Pada Hari Raya ramai kaum lelaki memakai baju Melayu dan mereka kelihatan amat _____.
A cantik
B hodoh
C tampan
D comot

Kura-kura telah kalah dalam pertandingan itu kerana ia bergerak amat _____.
A deras
C perlahan
B laju
D pantas

Buah cempedak itu sudah _____ kerana telah dimakan ulat.
A hodoh
B layu
B lemau
D busuk

Sebaik-baik sahaja tiba di rumah, _____dimarahi bapanya kerana bermain hujan sehingga basah kuyup.
A dia
B beliau
C mereka
D kalian

"Kedatangan _____ ini besar hajatnya," kata Mak Limah kepada Datuk Temenggung.
A saya
B hamba
C patik
D pancar

Orang ramai _____ oleh Menteri Kebajikan Masyarakat supaya menghulurkan bantuan kepada rumah-rumah amal.
A dipujuk
B dipaksa
C diseru
D diarah

Kehidupan petani di kawasan itu akan terus ..... jika kemarau masih berlanjutan.
A tersekat
B terkandas
C terhimpit
D terbantut

LIVEWORKSHEETS

Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ..... ke negara Jepun
A singkat
B sekejap
C seketika
D sebentar

Apabila mendengar penjelasan daripada gadis itu tuan hakim diam .....
A. terpaku
B. termenung
C. terharu
D. tercengang

Pak Tua tidak dapat meneruskan perjalanannya lalu _____ di atas anak tangga sebuah pondok di tepi hutan.
A.bercangkung
B. bertenggek
C. bertinggung
D. bertanjak

Adik Lina _____ buyung yang berisi air lalu meletakkannya di bendul dapur.
A. mengelek
B. membibit
C. menatang
D. menjinjing

Keruntuhan moral di kalangan remaja pada masa ini amat sukar _____
A. dibelenggu
B. dibendung
C. dikongkong
D. disingkir

Walaupun telah berunding selama lima jam, mereka masih belum mendapat _____ bagi menyelesaikan masalah yang rumit itu.
A jalan keluar
B jalan belakang
C jalan pintas
D jalan tengah

LIVEWORKSHEETS

Sultan Mahmud sedang bersantap . _____ suka makan ikan dengan kuah Asam.
A. Baginda
B. Mereka
C. Dia
D. Beliau

Buku cerita yang baru diterbitkan itu sesuai _____ kanak- kanak berusia tujuh tahun.
A. daripada
B. kepada
C. untuk
D. dari

Air Sungai Pahang menjadi _____ selepas hujan lebat pada petang semalam.
A. gelap
B. keruh
C. jernih
D. kabur

. _____ penduduk kampung diarahkan berpindah ke kawasan perumahan yang baru dibina.
A. Setiap
B. Segala
C. Semua
D. Setengah

Ai Ling memakai _____ semasa mengikuti kelas renang.
A. baju sukan
B. baju renang
C baju kemeja
D. baju hujan

Siew Ling makan buah tembikai _____ makan nasi.
A. lalu
B. sambil
C. selepas
D. sementar

Keterangan saksi kes rompakan itu _____ dan mengelirukan hakim.
A. bersusun-susun
B. berduyun-duyun
C. berbelit-belit
D. bertolak-tolak

LIVEWORKSHEETS

" _____ , ambil tuala ini dan pergi mandi sekarang juga !" kata Puan Eng kepada anaknya.
A. Nah
B. Cih
C. Eh
D. Amboi

Pak Cik Koh _____ untuk menyara keluarganya yang sebanyak lapan orang itu .
A. mandi peluh
B. mandi kerbau
C. titik peluh
D. buah tangan

Ayah tidak suka _____ dalam pergaduhan antara saya dengan kakak.
A. cepat tangan
B. ringan tulang
C. bekas tangan
D. campur tangan

Penjual sate itu telah membakar beberapa _____ sate ayam dan daging.
A. batang
B. cawan
C. cucuk
D. cebis

Zamri bagai _____ semasa berada di Hotel Hilson untuk menghadiri majlis minum petang anjuran syarikatnya.
A. rusa masuk kampung
B. kacang lupakan kulit
C. ayam berak kapur
D. telur di hujung tanduk

Lori itu mengalami _____ kerana dilanggar oleh sebuah bas dari arah belakang.
A. merosakkan
B. kerosakan
C. dirosakkan
D. terosakkan

Aktiviti _____ di tempat terbuka menyebabkan berlakunya pencemaran udara.
A. pembakaran
B. kebakaran
C. dibakar
D. terbakar

LIVEWORKSHEETS